

Bayi 8 bulan hidap penyakit lebihan cecair meninggal

B/HARIAN 11/7/19 MS 66

Ipoh: Bayi berusia lapan bulan yang menghidap penyakit hydrocephalus atau kelebihan cecair dalam otak sejak lahir; Nur Umairah Jannah Abdul Muhaimin, meninggal dunia kira-kira jam 3 petang semalam.

Jiran keluarga Nur Umairah Jannah, Mastura Meor Razali, berkata bayi berkenaan meninggal dunia di Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur.

"Saya dimaklumkan oleh keluarga Nur Umairah Jannah bahawa bayi itu meninggal dunia, petang tadi (semalam), namun tidak dapat dipastikan punca kematian," katanya ketika dihubungi, di sini.

Penyakit Nur Umairah Jannah itu menyebabkan kepalanya semakin membengkak dan membe-

sar, sekali gus membataskan pergerakan bayi terbabit yang hanya mampu bermain dalam keadaan berbaring.

Mastura berkata, jenazah Nur Umairah Jannah dijangka tiba dari ibu negara lewat petang ini sebelum disembahyangkan di Masjid Al Islah, Kampung Tersusun Kledang Utama, Sungai Siput, selepas solat Maghrib dan dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Katmpung Tersusun Kledang Utama.

Sebelum ini, Nur Umairah Jannah yang dilahirkan pada Oktober tahun lalu, berada bawah jagaan ibu saudaranya, Nurul Shafikah Zainuddin, 19, yang bekerja sebagai operator pengeluaran kilang.

Berita mengenai masalah kesihatan bayi itu turut mendapat

Saya dimaklumkan oleh keluarga Nur Umairah Jannah bahawa bayi itu meninggal dunia, petang tadi (semalam).

**Mastura Meor Razali,
Jiran**

perhatian isteri Perdana Menteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, yang meluangkan masa menziarahi Nur Umairah Jannah di Wad Pediatrik Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Isnin lalu.



Nur Umairah Jannah meninggal dunia di Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Bandar Tun Razak, semalam. [Foto ihsan TV3]